

24 OCT 2001

Selangor-Majlis

SELANGOR TUBUH MAJLIS TINDAKAN PEMBANGUNAN PERTANIAN NEGERI\

SHAH ALAM, 24 Okt (Bernama) -- Kerajaan Selangor hari ini meluluskan penubuhan Majlis Tindakan Pembangunan Pertanian Negeri bertujuan membantu menyelaraskan program dan aktiviti pertanian di negeri itu bermula tahun depan.

Menteri Besar Selangor Datuk Seri Dr Mohd Khir Toyo hari ini berkata, majlis itu akan melihat secara mendalam bagaimana sektor pertanian di negeri itu dapat dibangunkan supaya ia lebih berdaya maju dan mengkomersilkannya.

"Majlis ini juga ditubuhkan supaya menjadi peneraju kepada usaha kerajaan negeri yang telah mengisytiharkan tahun hadapan sebagai Tahun Pembangunan Pertanian Negeri Selangor," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan exco di sini.

Sektor pertanian yang dimaksudkan adalah merangkumi kegiatan perladangan, penternakaan dan perikanan, dengan penekanan diberi kepada kegiatan penanaman padi, ubi kayu, ubi keledak dan herba serta ternakan ikan air tawar dan udang.

Menurut Dr Khir, majlis itu dipengerusikan oleh beliau sendiri dan timbalan pengerusinya ialah timbalan menteri besar dan ahli-ahli majlis terdiri daripada ahli-ahli exco dan setiausaha kerajaan negeri.

Menurut beliau, majlis ini akan memberi bantuan khidmat nasihat teknikal terutamanya daripada segi menguruskan aktiviti pertanian.

Bagi menyelaraskan aktiviti pertanian di negeri itu, penubuhan estet-estet ini seluas 60 hektar setiap satu diuruskan di bawah satu pengurusan akan dicadangkan oleh majlis ini.

"Mengikut perancangan, seorang pengurus akan dilantik untuk mengurus aktiviti pertanian yang diusahakan oleh pengusaha-pengusaha atas tanah mereka sendiri," katanya.

Selangor, katanya, menanggapi penubuhan majlis ini sebagai satu langkah ke hadapan bagi Kerajaan Negeri dalam membangunkan sektor pertanian dengan lebih pesat lagi.

"Kita mahu menyahut seruan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menjadikan sektor pertanian sebagai enjin pertumbuhan ekonomi ketiga selepas sektor perkilangan dan perkhidmatan," katanya.

Selangor telah memutuskan untuk memperuntukkan 35 peratus daripada keseluruhan kawasannya bagi aktiviti pertanian dengan keluasan kawasan terbabit sebanyak 280,000 hektar.

-- BERNAMA

RIZ DC PR